



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1985

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN

1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menerangkan peraturan-peraturan pelaksanaan dasar baru kenaikan pangkat secara lantikan bagi pegawai-pegawai sedang berkhidmat di dalam skim perkhidmatan tertentu ke skim perkhidmatan yang lebih tinggi.

2. Latarbelakang

2.1 Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberikan peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat sebagai satu galakan dengan tujuan supaya mereka dapat meningkatkan kecekapan dan kekesan sebagai pegawai awam. Peluang ini ialah merupakan naik pangkat daripada skim perkhidmatan beliau sekarang ini ke skim perkhidmatan yang berkaitan yang lebih tinggi yang dilakukan secara lantikan ke skim tersebut. Naik Pangkat adalah berasaskan kepada pengalaman dan prestasi pegawai itu di dalam perkhidmatannya yang sekarang ini tanpa diperlukan kelayakan akademik yang mungkin dikehendaki oleh skim yang lebih tinggi itu atau ada juga yang diperlukan kelayakan akademik itu sebagai salah satu syarat.

2.2 Untuk melaksanakan dasar kenaikan pangkat secara lantikan ini maka satu-satu skim perkhidmatan di dalam Kumpulan "A" misalnya akan mengandungi peruntukan "naik pangkat secara lantikan" ke skim itu daripada skim perkhidmatan tertentu yang berkaitan dan lebih rendah atau daripada skim dalam Kumpulan "B". Skim perkhidmatan dalam Kumpulan "B" akan mengandungi peruntukan naik pangkat secara lantikan daripada skim perkhidmatan tertentu dalam Kumpulan "C". Begitulah juga bagi skim Kumpulan "C" untuk perkhidmatan dari skim dalam Kumpulan "D". Beberapa skim perkhidmatan sudahpun mula membekalkan peruntukan tersebut.

2.3 Oleh kerana sebab-sebab yang nyata, ada skim-skim perkhidmatan di mana dasar naik pangkat secara lantikan ini tidak dapat dipakai; misalnya apabila skim perkhidmatan yang lebih tinggi itu berkehendakkan latihan khas, kelayakan akademik atau profesional yang khusus untuk membolehkan pegawai itu menjalankan tugas jawatannya. Contohnya ialah Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan, Skim Perkhidmatan Jurutera, Skim Perkhidmatan Akauntan dan lain-lain.

2.4 Melalui naik pangkat secara lantikan ini pegawai yang benar-benar cekap dan berkebolehan adalah diberi peluang untuk meningkat maju dalam kerjaya mereka ke perkhidmatan yang lebih tinggi. Urusan naik pangkat secara lantikan ini akan dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Melantik bagi perkhidmatan tersebut mengikut cara-cara yang lazim iaitu melalui kekosongan jawatan yang diumumkan.

2.5 Sungguhpun naik pangkat ini adalah mengikut proses perlantikan tetapi syarat had umur tidak dikenakan dan pegawai yang berjaya akan dikecualikan daripada tempoh percubaan di dalam perkhidmatan yang baru itu.

3. Syarat-syarat Khas

3.1 Seseorang pegawai (kecuali yang dalam Kumpulan "D") hendaklah lulus kedua-dua Bahagian Peperiksaan Khas terlebih dahulu barulah beliau layak memohon untuk dipertimbangkan naik pangkat secara lantikan ini. Maklumat mengenai Peperiksaan Khas ini adalah seperti yang terkandung di dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 / 1985](#) bertarikh 18hb Januari, 1985 itu.

3.2 Peluang kenaikan pangkat secara lantikan ini dihadkan mengikut sektor-sektor perkhidmatan seperti dibawah ini:

3.2.1 Naik Pangkat secara lantikan ke jawatan-jawatan kosong di dalam mana-mana Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri adalah terbuka kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam saja dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam sektor Badan Berkanun dan Penguasa Tempatan tidak boleh dipertimbangkan.

3.2.2 Naik pangkat secara lantikan ke jawatan-jawatan kosong di dalam mana-mana Badan Berkanun Persekutuan atau Negeri adalah hanya terbuka kepada perkhidmatan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri.

3.2.3 Naik pangkat secara lantikan ke jawatan-jawatan kosong dalam mana-mana Penguasa Tempatan adalah terbuka kepada perkhidmatan Penguasa Tempatan saja di semua Negeri.

4. 4.1 Jika ada apa-apa kemuskilan berhubung dengan Surat Pekeliling ini silalah hubungi Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK
Pengarah
b.p.
Malaysia.

Ketua

ZAHARI
Bahagian
Pengarah

A.
Perkhidmatan

RASHID),
Perjawatan,
Awam,

1hb Julai, 1985

EDARAN:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Perkhidmatan Persekutuan.

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.

Semua Naib Canselor Universiti.